

20/07/1998

## Budaya unik masyarakat negara dalam Temuan Arus

SUNGAI adalah tempat pertemuan bagi semua punca air dari hulu. Begitu juga dengan budaya bagi sesebuah negara. Kehadiran masyarakat luar menjadikan budaya semakin unik.

Mengambil ilham daripada sungai tadi mendorong koreografer tempatan berpadu tenaga untuk mempamerkan kekayaan budaya Malaysia melalui persembahan muzika dan sendratari berjudul "When Rivers Meet" atau Temuan Arus.

Budaya tradisional dapat dilihat gabungan Mak Yung dan Gamelan dengan persembahan tarian etnik utama seperti Kadazan, Bajau, Orang Ulu, Iban dan sebagainya.

Budaya tradisional digabungkan dengan budaya yang dibawa oleh masyarakat India dan Cina apabila mereka di bawa masuk ke negara ini.

Ketua Penolong Pengarah Panggung Negara, Johari Shaarani, berkata pihaknya mengundang tiga koreografer terkenal iaitu Mahmood Ibrahim, Michelle Yong Soo fon dan K Shanker untuk memberi sentuhan kepada pementasan itu.

Pementasan itu akan dipertontonkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sama ada ia sesuai atau sebaliknya untuk dipersembahkan kepada pemimpin negara yang menyertai mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) yang diadakan pada akhir tahun ini.

Selain Panggung Negara, kumpulan jemputan ialah Temple of Fine Arts, Kumpulan Kwangtung, Kumpulan Muzik Direktorat Penguatkuasa DBKL serta menampilkan artis undangan Siti Nurhaliza dan Noraniza Idris.

Pengarah persembahan, Suhaimi Mohd Zain, yakin pihaknya dapat menyajikan satu persembahan baik dengan kombinasi mereka yang berpengalaman dalam bidang masing-masing.

Jika satu persembahan kebudayaan yang diadakan pada persidangan Apec di Kanada dulu dipuji, kita yakin dapat menyajikan satu persembahan yang diharap tidak memalukan negara.

Suhaimi atau lebih dikenali Pak Ngah berkata, pementasan akan dibahagikan kepada sembilan segmen menggabungkan tarian, drama, nyanyian dan muzik.

Mahmood pula berkata, persembahan bermula dengan perarakan masuk Permaisuri Cik Siti Wan Kembang (peragaan oleh Siti Nurhaliza) sebagai salah satu lambang pemerintahan silam yang masyhur, dengan iringan Tok Selampit berbahasa dan melagukan nyanyian puji-pujian.

Persembahan tarian tradisi istana adalah gabungan tarian tradisional Pantai Timur iaitu petikan tarian yang terdapat dalam Mak Yung dan tarian Gamelan.

Persembahan itu akan disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 13 Ogos di Auditorium Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Pementasan untuk orang awam akan diadakan pada 14 dan 15 Ogos, jam 8.30 malam manakala 16 Ogos, jam 3.00 petang. Bayaran masuk RM10 dan RM15.

(END)